

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI RABU, 16 OKTOBER 2024, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 37**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1533-L26380

**Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [ Tampin ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan jumlah pekebun kecil yang telah memanfaatkan Program Tanam Semula Sawit setakat ini dan adakah Kementerian mempunyai sebarang perancangan untuk memanjangkan inisiatif tersebut terhadap para pekebun kecil getah yang ingin beralih kepada tanaman komoditi sawit.

2. PR-1533-L26305

**Datuk Seri Takiyuddin bin Hassan [ Kota Bharu ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah tegas Kerajaan dalam menangani sindiket membawa masuk warga asing melalui modus operandi '*counter setting*' yang turut didalangi penguatkuasa agensi yang bertugas di pintu masuk udara negara sehingga bolosnya sempadan negara.

3. PR-1533-L26530

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [ Ledang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan secara terperinci berkenaan :

- (a) perkembangan usaha membangunkan kemahiran digital bagi pelajar-pelajar di sekolah-sekolah luar bandar; dan
- (b) kaedah yang akan diguna pakai dalam menyelesaikan isu kekangan peralatan yang diperlukan oleh sekolah-sekolah luar bandar bagi mengadaptasi teknologi dan digital.

4. PR-1533-L27264  
**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian dalam menghadapi cabaran etika, peraturan dan perundangan yang berkaitan dengan teknologi baharu muncul seperti AI, Blockchain, Cloud computing dan Quantum technology.
5. PR-1533-L26159  
**Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [ Betong ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan statistik terkini mengenai kelewatan dan pembatalan penerbangan yang merangkumi semua syarikat penerbangan domestik di Malaysia termasuk Malaysia Airlines dan AirAsia sejak tahun lalu. Perincian punca-punca utama yang menyebabkan masalah ini.
6. PR-1533-L27028  
**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bagaimana Kementerian memilih pelajar-pelajar untuk memasuki sesuatu kursus dalam institusi-institusi pengajian tinggi secara terus (bayaran yuran penuh) dan secara biasa (bayaran yuran disubsidikan oleh Kerajaan). Nyatakan jumlah dan peratusan pelajar yang dimasukkan ke universiti-universiti awam secara terus dan secara biasa.
7. PR-1533-L26935  
**Tuan Hassan bin Saad [ Baling ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan usaha Kementerian dalam memastikan pelajar yang tidak hadir SPM dikenal pasti puncanya dan usaha bagi memastikan golongan ini tidak terus tercicir daripada sistem pendidikan.
8. PR-1533-L27513  
**Tuan Chong Zhemini [ Kampar ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan faktor-faktor nilai Ringgit melonjak naik ke paras RM4.15/USD dan menurut ramalan BMI Ringgit dijangka akan terus melonjak ke paras RM3.55/USD pada akhir 2025.
9. PR-1533-L27019  
**Tuan Tan Kok Wai [ Cheras ]** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan apakah rancangan untuk merapatkan kesenjangan dan jurang digital di antara rakyat yang mungkin akan disebabkan oleh kecerdasan buatan (AI) untuk memastikan golongan rentan dalam negara tidak terlalu terkesan.

10. PR-1533-L26142

**Dato' Khilir bin Mohd Nor [ Ketereh ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status terkini bagi pengoperasian Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (MCBA) dan bilakah dijangka ianya dapat dilaksanakan sepenuhnya.

11. PR-1533-L26526

**Dato' Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik [ Balik Pulau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan rancangan Kementerian meletakkan pakar pemakanan kanak-kanak (*dietician*) di sekolah-sekolah untuk memastikan murid-murid makan makanan berzat dan seimbang.

12. PR-1533-L26365

**Tuan Haji Abdul Latiff bin Abdul Rahman [ Kuala Krai ]** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan langkah yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan bahawa pembangunan pusat data dan pengembangan liputan jalur lebar 5G di bawah JDN, MDEC dan DNB mencapai sasaran serta memberi manfaat kepada sektor awam, swasta dan rakyat terutamanya di kawasan luar bandar.

13. PR-1533-L27282

**Tuan Lee Chean Chung [ Petaling Jaya ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana Kerajaan merancang untuk membantu perniagaan kecil dalam pelaksanaan e-invoicing yang wajib bermula 1 Ogos 2024, terutamanya dalam menyediakan infrastruktur dan latihan, serta untuk mengurangkan beban akibat kenaikan kadar Cukai Perkhidmatan dari 6% ke 8% bagi sektor logistik dan perkhidmatan.

14. PR-1533-L27443

**Dato' Indera Dr. Suhaili bin Abdul Rahman [ Labuan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan perancangan Kementerian dalam menangani masalah harga tambang penerbangan domestik yang sangat mahal bagi sektor penerbangan Kuala Lumpur ke Labuan atau Labuan ke Kuala Lumpur.

15. PR-1533-L26126

**Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [ Serian ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha yang akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan kualiti pendidikan negara terus terjaga memandangkan Kementerian tidak akan mengembalikan UPSR dan PT3 kerana terdapat lebih kurang 10,177 orang pelajar tidak menduduki SPM pada tahun ini sejak Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dilaksanakan.

16. PR-1533-L26273

**Tuan Roslan bin Hashim [ Kulim Bandar Baharu ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan Kerajaan berhubung kadar Pertukaran Efektif Sebenar (REER) negara yang berada dalam trend negatif antara tempoh Januari 2022 hingga April 2024 berbanding negara-negara jiran seperti Singapura, Filipina, Indonesia dan Thailand menurut laporan Bank Negara.

17. PR-1533-L27056

**Datuk Andi Muhammad Suryady bin Bandy [ Kalabakan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kementerian bersedia untuk mengkaji kadar sedia ada Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) yang berjumlah RM1,500 bagi memastikan jumlah tersebut relevan dengan kos sara hidup semasa untuk digunakan sebagai persediaan para pelajar sebelum mendaftar ke IPTA dan politeknik.

18. PR-1533-L26086

**Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib [ Parit ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan kelebihan kompetitif minyak sawit negara ini yang boleh dimanfaatkan untuk meningkatkan daya saing di peringkat antarabangsa khususnya dari segi teknologi dan piawaian kelestarian.

19. PR-1533-L26031

**Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi [ Sri Aman ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penjelasan terperinci tentang usaha-usaha Kementerian dalam menangani peningkatan kes jenayah dan keganasan hingga berlaku pembunuhan yang semakin meningkat dan membimbangkan serta bagaimana pihak berkuasa memperkukuh langkah-langkah pencegahan dan penguatkuasaan undang-undang.

20. PR-1533-L26626

**Tuan Rushdan bin Rusmi [ Padang Besar ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Kementerian bersetuju untuk mengintegrasikan sekolah khusus seperti sekolah sukan atau sekolah seni dengan mata pelajaran teras TVET.

21. PR-1533-L26066

**Tuan Khoo Poay Tiong [ Kota Melaka ]** minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan :

- (a) langkah Kementerian untuk mengekang insiden data sektor Kerajaan didagangkan dalam DarkWeb ; dan
- (b) implikasi ketirisan data sebanyak 32% pada tahun 2023 seperti yang dilaporkan oleh CyberSecurity Malaysia kepada keselamatan dan kedaulatan negara.

22. PR-1533-L26057

**Tuan Sabri bin Azit [ Jerai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan penggunaan tulisan Jawi di peringkat menengah atas, adakah telah dilakukan semakan bagi meneruskan tulisan ini dalam kalangan pelajar berkenaan sekiranya dalam proses pelaksanaan apakah mekanisme utama yang diambil kira bagi murid menguasai tulisan Jawi.

23. PR-1533-L27142

**Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [ Kuala Pilah ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan terbaru Ops Global serta apakah bentuk kerjasama antara Kementerian dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Kementerian Pendidikan bagi membela hal ehwal dan kelangsungan pendidikan kanak-kanak yang diselamatkan menerusi operasi ini.

24. PR-1533-L26377

**Tuan Haji Wan Hassan bin Mohd Ramli [ Dungun ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan tarikh sasaran memulakan pembangunan Sistem Pengawasan Laut (SWASLA) di Pantai Timur susulan pengenalpastian lokasi strategik Remote Sensor Site (RSS) dan Main Control Centre (MCC) bagi menjamin keselamatan perairan wilayah ini.

25. PR-1533-L26021

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [ Pasir Gudang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk membayar jumlah hutang Kerajaan setakat bulan April 2024 sebanyak RM1.22 trillion dan apakah strategi selanjutnya untuk mengurangkan hutang Kerajaan pada tahun-tahun akan datang.

26. PR-1533-L26957

**Tuan Nurul Amin bin Hamid [ Padang Terap ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang dilaksanakan untuk memperkasakan Bahasa Melayu dalam kalangan murid-murid bukan Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan dan Sekolah Persendirian Cina/Tamil yang lain.

27. PR-1533-L27078

**Tuan Mohamad Shafizan Haji Kepli [ Batang Lepar ]** minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status terkini pelaksanaan Projek Mengatasi Banjir Pantai Negeri Sarawak dan apakah terdapat rancangan dalam tempoh masa terdekat untuk turut mengatasi masalah hakisan tebing pantai dan membina struktur tebatan banjir di sekitar kawasan Pekan Lingga.

28. PR-1533-L26478

**Dr. Ahmad Fakhruddin bin Fakhruddin [ Kuala Kedah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan strategi peningkatan penguasaan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dalam kalangan pelajar di sekolah-sekolah arus perdana dan vernakular selaras dengan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan.

29. PR-1533-L27115

**Tuan Chow Yu Hui [ Raub ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :

- (a) peranan dan tugas Cawangan Khas (Special Branch) dalam Polis Diraja Malaysia dan bilangan anggota Cawangan Khas dalam PDRM setakat September 2024; dan
- (b) kelayakan untuk menjadi seorang anggota Cawangan Khas dan peruntukan tahunan yang disediakan kepada Cawangan Khas dalam PDRM.

30. PR-1533-L27385

**Dato' Rosol bin Wahid [ Hulu Terengganu ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan syarat-syarat dan kriteria yang telah ditetapkan oleh Kementerian untuk wakil rakyat bukan Kerajaan melibatkan diri dalam program-program anjuran sekolah di kawasan masing-masing.

31. PR-1533-L26462

**Dato' Haji Shamsulhakar bin Mohd Deli [ Jempol ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan dengan kadar peratus penanaman semula pokok kelapa sawit yang dilaporkan masih rendah iaitu hanya sekitar 1.8 peratus setahun, apakah tindakan Kementerian bagi menggalakkan usaha penanaman semula agar pengeluaran sawit negara dapat melebihi 18.5 juta tan metrik setahun.

32. PR-1533-L26319

**Datuk Jonathan Yasin [ Ranau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan kira-kira 22 buah sekolah di Ranau masih dalam skala 7. Apakah langkah-langkah proaktif di pihak Kementerian untuk membina lebih banyak bangunan sekolah yang baru di Ranau bagi menggantikan sekolah yang daif / tidak ekonomikal untuk diselenggara / tidak selamat diduduki / disyor roboh.

33. PR-1533-L25998

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer A/L Rajaji [ Jelutong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi masalah pendatang tanpa izin yang makin berleluasa di negara kita.

34. PR-1533-L26116

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [ Bera ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan mengenai masalah yang dihadapi oleh syarikat penerbangan negara, Malaysia Airlines khususnya isu kelewatan dan perubahan masa serta apakah punca dan tindakan yang diambil bagi mengatasinya.

35. PR-1533-L26818

**Datuk Suhaimi bin Nasir [ Libaran ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah cadangan Kementerian bagi mewujudkan industri sederhana berasaskan kelapa sawit di daerah Sandakan untuk meningkatkan penggunaan minyak sawit dalam pelbagai produk yang berasaskan makanan dan bukan makanan.

36. PR-1533-L26411

**Tuan Jimmy Puah Wee Tse [ Tebrau ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status dan perkembangan terkini pembinaan 3 buah sekolah jenis kebangsaan (Cina) yang telah disenaraikan untuk dibina dalam kawasan Parlimen Tebrau.

37. PR-1533-L27123

**Dato' Verdon bin Bahanda [ Kudat ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status cadangan pembangunan menaik taraf bangunan Pejabat Maritim Zon Kudat yang telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia ke-12 ini kerana kawasan perairan di Parlimen Kudat merangkumi daerah Kudat, Pulau Banggi dan Pitas yang agak luas dan perlu keutamaan.

38. PR-1533-L26930

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pandangan Kementerian mengenai masalah kekurangan guru Pendidikan Khas dan apakah langkah intervensi terbaharu Kementerian bagi mengatasi isu ini dengan lebih holistik.

39. PR-1533-L26014

**Dato' Sri Sh Mohmed Puzi bin Sh Ali [ Pekan ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :

- (a) inisiatif dan pelan galakan yang dilaksanakan oleh Kementerian dalam membantu Malaysia Aviation Group (MAG) mempertingkatkan jumlah jurutera berkemahiran tinggi; dan
- (b) bagaimana Kementerian memastikan isu dan masalah rantai bekalan tenaga kerja di MAG tidak menjadi punca kepada masalah dalam pengoperasian pesawat yang menjejaskan sistem dan jadual penerbangan.

40. PR-1533-L26097

**Tuan William Leong Jee Keen [ Selayang ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berikutan sambutan menggalakkan bagi Projek Rintis yang dilaksanakan oleh Bank Negara bagi Pelabur Residen Berkelayakan, apakah rancangan Kerajaan untuk meneruskan program ini serta cabaran yang dijangka timbul dalam pelaksanaannya pada masa hadapan.

41. PR-1533-L26065

**Tuan Ganabatirau A/L Veraman [ Klang ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini projek-projek pembangunan sekolah baharu di kawasan Parlimen Klang, khususnya di Bandar Bukit Raja, Bandar Parklands, Canary Garden, Bayu Emas dan D'Laman Greenvile.

42. PR-1533-L26745

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan cabaran pasca-pandemik dalam konteks Revolusi Perindustrian 4.0 dan bagaimana Kementerian merancang mentransformasi kurikulum serta kaedah pengajaran bagi memastikan murid berdaya saing global sambil menangani ketidaksamaan pendidikan bandar-luar bandar.

43. PR-1533-L26271

**Tuan Haji Yusuf bin Abd. Wahab [ Tanjong Manis ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa peruntukan untuk membina sekolah baharu dan menaik taraf sekolah daif di Parlimen Tanjong Manis dalam Belanjawan 2025. Berapa jumlah peruntukan untuk tahun 2024 dan jumlah yang telah dibelanjakan sehingga kini.



44. PR-1533-L27319

**Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [ Igan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah masalah murid yang tidak dapat menguasai asas 3M, (membaca, menulis dan mengira) di Sarawak sejak 2019 hingga kini. Nyatakan jumlah pelajar berkenaan termasuk di kawasan Parlimen Igan. Apakah tindakan dan perancangan yang telah dan akan dilakukan untuk mengatasi masalah ini.

45. PR-1533-L27074

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan mengikut "Landasan Tahun Baharu Kementerian Pendidikan Tinggi 2024", melalui program-program perkaderan kepemimpinan muda (Nurturing Young Leaders) merupakan salah satu saranan. Nyatakan mengikut statistik terkini perkembangan program-program tersebut.

46. PR-1533-L26214

**Datuk Ir. Shahelmey bin Yahya [ Putatan ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah perancangan Kementerian untuk memperkenalkan reka bentuk baru bangunan *high-rise* bagi sekolah-sekolah di Sabah umumnya dan daerah Putatan khususnya, kerana berada di kawasan yang padat penduduknya.

47. PR-1533-L26174

**Dato Henry Sum Agong [ Lawas ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa kekosongan jawatan guru yang belum diisi di Lawas.

48. PR-1533-L27570

**Tuan Lim Lip Eng [ Kepong ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Suruhanjaya Siasatan Diraja diperlukan berhubung jenayah yang dikaitkan dengan Global Ikhwan Services and Business Holdings Sdn. Bhd. (GISBH) dan bagaimana GISBH dapat beroperasi di seluruh dunia selama bertahun-tahun tanpa dikesan kesalahan mereka oleh pihak berkuasa. Adakah terdapat pegawai Kerajaan atau pemimpin politik yang terlibat atau bersubahat dengan GISBH.

49. PR-1533-L26950

**Tuan Mohd Sany bin Hamzan [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :

- (a) Mengapa sekolah di Bandar Seri Putera masih lagi terbengkalai sedangkan pembangunan taman-taman perumahan di sekitarnya membangun dengan pesat dan keperluannya semakin mendesak; dan
- (b) apakah status pembinaan sekolah rendah dan menengah di Taman Prima Saujana.

50. PR-1533-L26419

**Tuan Haji Onn bin Abu Bakar [ Batu Pahat ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Akaun Imbangan Pembayaran khususnya kompenen Pampasan Pekerja yang defisit sejak dua dekad iaitu penghantaran pulang pendapatan pekerja warga asing di Malaysia dan sumbangan rendah pekerja warga Malaysia yang bekerja di luar negara. Apakah langkah oleh Kerajaan untuk mengurangkan defisit ini.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. ( D.R.13/2024 ) Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2024 – **Menyambung semula perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-Undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang,” ( 27 Mac 2024 )**  
  
[ Menteri Dalam Negeri ]
2. ( D.R.43/2024 ) Rang Undang-Undang Industri Perkhidmatan Air (Pindaan) 2024. **Bacaan Kali Yang Kedua**  
  
[ Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air ]
3. ( D.R.19/2024 ) Rang Undang-Undang Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2024. “  
  
[ Perdana Menteri ]
4. ( D.R.18/2024 ) Rang Undang-Undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024. “  
  
[ Perdana Menteri ]
5. ( D.R.20/2024 ) Rang Undang-Undang Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2024. “  
  
[ Perdana Menteri ]
6. ( D.R.44/2024 ) Rang Undang-Undang Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (Pindaan) 2024. “  
  
[ Menteri Pengangkutan ]
7. ( D.R.46/2024 ) Rang Undang-Undang Majlis Perundingan Gaji Negara (Pindaan) 2024. “  
  
[ Menteri Sumber Manusia ]

## 8. PR-1533-U(27)339

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk meneliti dan meningkatkan kadar gaji minimum. Kali terakhir Kerajaan menyemak semula gaji minimum pada Mei 2022 dengan kenaikan daripada RM1,200 kepada RM1,500. Walaupun kenaikan itu merupakan langkah positif terutama dalam menyediakan taraf hidup yang lebih selesa bagi mereka yang berpendapatan rendah, kebimbangan kekal mengenai kesan jangka panjangnya disebabkan potensi inflasi.

Adalah diharapkan peningkatan gaji minimum dapat diuruskan dengan baik bagi merangsang pertumbuhan produktiviti perniagaan. Adalah penting untuk menangani cabaran seperti kemerosotan daya saing dan kekurangan bakat mahir. Kerajaan mesti melabur dalam teknologi, peningkatan kemahiran tenaga kerja dan langkah kalis masa depan sambil menguruskan tekanan inflasi untuk memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Sudah tiba masanya untuk Kerajaan mengkaji kenaikan gaji minimum bagi membantu mengurangkan kemiskinan dan ketidaksemaan di samping mengimbangi tekanan inflasi dan mengekalkan daya saing ekonomi."

**[ Menteri Sumber Manusia ]**

## 9. PR-1533-U(27)340

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk memperkenalkan semula GST supaya dapat mengimbangi keperluan fiskal negara yang semakin meningkat.

Peralihan daripada GST kepada SST pada 2018 telah mengurangkan hasil cukai dengan ketara. Walaupun kadar Cukai Perkhidmatan telah meningkat dari 6% kepada 8% pada 2024, hasil tahunan kekal jauh di bawah paras era GST. Kekurangan ini menghalang pembangunan infrastruktur.

Sudah tiba masanya pengenalan semula GST dan sistem pulangan cukai yang lebih cekap dan efisien akan merangsang pertumbuhan pendapatan Kerajaan. Hasil ini mestilah disalurkan untuk pembangunan infrastruktur justeru terus meningkatkan pertumbuhan ekonomi.

Adalah diharapkan pelaporan yang telus tentang penggunaan kutipan cukai tersedia bagi terus membina kepercayaan masyarakat umum terhadap keperluan kutipan cukai yang lebih efisien."

**[ Menteri Kewangan ]**

## 10. PR-1533-U(27)341

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk mengkaji dan menyediakan satu kaedah yang mampan bagi membiayai perkhidmatan kesihatan awam dalam negara.

Sistem penjagaan kesihatan Malaysia menghadapi kos yang semakin meningkat, pergantungan yang besar kepada pembiayaan Kerajaan, perbelanjaan isi rumah tinggi, perlindungan insurans yang terhad, dan ketidaksamaan dalam akses penjagaan kesihatan. Sistem perkhidmatan kesihatan awam berada di bawah tekanan, manakala penjagaan swasta masih tidak mampu dimiliki oleh ramai orang.

Sudah tiba masanya satu kaedah yang inklusif bagi menjamin kemampanan sistem perkhidmatan kesihatan negara di samping terus memberikan perkhidmatan yang cekap kepada masyarakat umum."

**[ Menteri Kesihatan ]**

## 11. PR-1533-U(27)342

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk membentangkan satu Kertas Putih Kesihatan Mental Kebangsaan.

1 daripada 3 rakyat Malaysia mempunyai isu kesihatan mental, dengan jumlah tertinggi adalah di kalangan mereka yang berumur 16-19 tahun serta mereka daripada keluarga berpendapatan rendah.

Kesihatan mental turut menjejaskan satu daripada enam kanak-kanak berumur lima hingga 15 tahun di Malaysia. Masalah kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak telah melonjak daripada 7.9% pada 2019 kepada 16.5% pada 2023.

Adalah diharapkan, kertas putih ini dapat menggariskan isu dan punca masalah mental yang semakin meruncing dalam kalangan masyarakat supaya semua pemegang taruh memberikan solusi terbaik bagi menangani masalah ini."

**[ Menteri Kesihatan ]**

## 12. PR-1533-U(27)346

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan supaya mewujudkan pusat benih padi khusus di kawasan utara khususnya di Arau, Perlis bagi membekalkan benih-benih padi yang bermutu tinggi dan membolehkan penyelidikan yang agresif dibuat bagi menghasilkan benih padi baru di samping menyelesaikan masalah ketidakcukupan benih padi di pasaran. Pusat Benih Padi adalah penting untuk mengumpul benih padi yang lebih berdaya komersial, lebih berdaya tahan iklim (*climate resistant*) dan sesuai dengan cuaca di kawasan utara Semenanjung Malaysia.

Pusat ini juga boleh berperanan menjalankan kajian di peringkat serantau dan melibatkan penyelidik daripada negara-negara jiran seperti Thailand, Indonesia dan Myanmar yang mempunyai tanaman baka padi yang berdaya komersial tinggi."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

## 13. PR-1533-U(27)348

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Kerajaan mengambil langkah pro-aktif dalam menangani kes penderaan kanak-kanak yang berlarutan dan sehingga kini belum ada penyelesaian tuntas. Statistik Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menunjukkan sehingga November 2023, kira-kira 1,069 kes penderaan kanak-kanak dilaporkan yang disebabkan oleh kecuaian ibu bapa dan penjaga Kanak-kanak adalah masa depan negara. Usaha menangani isu pengabaian dan penderaan kanak-kanak yang dilihat membimbangkan perlu ditangani secara menyeluruh dan membabitkan pelbagai pihak.

Lantaran itu, pihak kerajaan wajar menangani lantas menghentikan kitaran dera ini dengan sebuah target 'Dera Sifar' menerusi langkah- langkah proaktif seperti mewajibkan kursus penjagaan anak, mewujudkan sistem pemantauan berkala serta meneliti semula undang-undang serta garis panduan yang berkaitan. Perkhidmatan dalam hal membabitkan perlindungan, pemulihan dan pemeliharaan kanak-kanak perlu diperkukuh dan direalisasikan."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

## 14. PR-1533-U(27)350

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Kerajaan menubuhkan badan siasatan bebas bagi mengenal pasti secara terperinci punca utama yang menyebabkan kekurangan bekalan makanan asas seperti beras tempatan, ayam dan telur ayam di pasaran.

Perancangan penyelesaian jangka pendek, perancangan jangka panjang yang komprehensif serta penguatkuasaan yang lebih 'keras' terhadap golongan kartel orang tengah antara faktor pengukuhan daya pengeluaran bekalan makanan. Rakyat baik dari kalangan pengguna mahupun pengusaha restoran kecil masih mengeluh dengan permasalahan ini yang menyebabkan kenaikan harga bekalan makanan.

Kerajaan tidak seharusnya melepaskan tanggungjawab menjaga keterjaminan bekalan makanan kepada pengguna sebagai *end user* mahupun menyarankan penyelesaian jalan mudah seperti menambah import makanan tetapi perlu mencari penyelesaian sepanjang rangkaian jaringan bekalan bahan makanan mentah bagi memastikan keterjaminan makanan (*food security*)."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

## 15. PR-1533-U(27)352

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji semula peruntukan khas yang boleh diberikan kepada pekebun kecil, penternak dan nelayan yang terjejas akibat situasi iklim yang tidak menentu serta kenaikan harga barang. Kerosakan tanaman dan kematian ternakan seringkali mendatangkan kerugian besar hingga kepada jutaan ringgit setiap kali berlaku bencana alam.

Dengan situasi semasa ekonomi negara yang tidak stabil juga secara tidak langsung akan memberi tekanan kepada kos sara hidup pekebun kecil, penternak dan nelayan yang kebanyakannya bergantung harap kepada sumber pendapatan tersebut sahaja. Maka pemberian peruntukan khas ini dapat menambah baik kehidupan mereka."

**[ Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan ]**

## 16. PR-1533-U(27)353

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand supaya merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan menyediakan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand. Sempadan Malaysia-Thailand adalah sepanjang kira-kira 656km namun hanya 111km sahaja yang berpagar. Sebahagian tembok sempadan antara Malaysia dan Thailand di sepanjang Laluan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) dilihat sudah usang manakala peralatan kamera litar tertutup (CCTV) dan alat pengimbas perlu ditambah, dibaikpulih dan dinaik taraf dengan teknologi terkini seperti penggunaan dron.

Beberapa insiden pada masa lalu seperti kes tembakan ke atas pasukan keselamatan negara dan bermaharajalelanya sindiket pemerdagangan manusia seperti yang berlaku di insiden Wang Kelian serta penyeludupan barangan termasuk dadah dan senjata menunjukkan betapa kritikalnya keperluan untuk meningkatkan tahap keselamatan di perbatasan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak Kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia-Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara."

**[ Perdana Menteri ]**

## 17. PR-1533-U(27)354

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan supaya agihan peruntukan pembangunan dan pelaksanaan projek pembangunan di peringkat negeri diberikan mengikut keutamaan dan keperluan Kerajaan negeri. Berdasarkan pelan RMKe-12, enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan.

Namun begitu, terdapat beberapa projek yang diluluskan oleh Kerajaan Persekutuan tidak mengambil kira cadangan dan hasrat Kerajaan negeri khususnya di Perlis untuk mempelbagaikan fungsi sesuatu projek sedangkan Kerajaan negeri mempunyai dasar serta hala tuju yang telah mengambil kira pelbagai keperluan dan kehendak semasa



serta pada masa hadapan. Misalnya, Projek Lencongan Banjir Barat Timah Tasoh yang telah dilaksanakan pada tahun 2015, di mana dalam pembinaan terowong banjir terdapat skop pembinaan pada item pencahayaan di dalam terowong berjumlah RM300 ribu.

Namun, skop berkenaan telah dikeluarkan atas alasan penjimatan. JPS Perlis selaku pelaksana projek telah membangkitkan perkara ini supaya dikekalkan atas faktor keselamatan dan memudahkan kerja pemantauan serta penyelenggaraan di dalam terowong di masa hadapan. Akan tetapi, ianya masih tetap dikeluarkan daripada skop asal projek."

**[ Menteri Ekonomi ]**

18. PR-1533-U(27)355

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan supaya mengkaji dan merancang satu inisiatif khas bagi memastikan setiap rakyat dan keluarga Malaysia terutamanya dari golongan B40 dan M40 mampu memiliki kediaman pertama dengan menyediakan rumah mampu milik berharga RM200,000 dan ke bawah baik di luar dan di dalam bandar. Kerajaan tidak boleh hanya memperkenalkan inisiatif yang hanya sekadar *rebranding* daripada Kerajaan sebelum ini kerana perubahan yang besar perlu dilakukan bagi mendepani kenaikan kos pembinaan disebabkan kenaikan harga barang binaan.

Dasar Perumahan Negara (2018-2025) sendiri memperakui bahawa isu kemampuan memiliki rumah semakin ketara di kalangan rakyat dan impak kenaikan harga rumah yang mendadak turut dirasai golongan M40 selain B40. Inisiatif khas untuk menyediakan kemudahan rumah pertama pada harga di bawah RM200,000 dan ke bawah ini hendaklah dijadikan salah satu sasaran kajian semula Dasar Perumahan Negara dan memerlukan input dari pelbagai Agensi dan Kementerian serta pihak bukan Kerajaan dan bukan dari satu Kementerian sahaja.

Isu kemampuan memiliki rumah pertama jika tidak ditangani akan mewujudkan generasi rakyat yang sentiasa menyewa tanpa mendapat peluang memiliki perumahan sendiri. Golongan generasi ini juga akan terus menjadi mangsa kepada harga hartanah yang melambung akibat spekulasi hartanah dan tanpa kawalan harga sehingga menjadikan harga di luar kemampuan sebenar golongan M40 dan B40."

**[ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan ]**

## 19. PR-1533-U(27)356

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak 'pro' Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media.

Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan. Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada 'pro' Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiarkan berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan.

Oleh hal demikian, Kerajaan digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu."

**[ Menteri Komunikasi ]**

## 20. PR-1533-U(27)357

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan mengkaji semula kawasan masuk dan keluar sempadan Malaysia-Thailand di Wang Kelian, Perlis. Sebelum ini, penduduk kedua-dua negara boleh menikmati kemudahan bergerak sehingga dua kilometer tanpa menggunakan pasport atau pas sempadan pada hari minggu.

Kuatkuasa itu pernah dibuat bermula tahun 1993 hingga 2015. Akan tetapi, penarikan semula kemudahan kebebasan bergerak ini telah dibuat pada tahun 2015 kerana penemuan rangka manusia mangsa sindiket perdagangan manusia yang dipercayai etnik Rohingya.

Susulan itu, Wang Kelian menjadi pekan mati hingga kini. Kerajaan Negeri Perlis cuba membangunkan semula kawasan pelancongan di Wang Kelian, namun ianya tidak semeriah dahulu.

Justeru itu, Kerajaan diharapkan dapat mengkaji dan mempertimbangkan semula untuk memberi kemudahan bergerak di antara kedua-dua negara seperti sebelum ini. Dengan

kemudahan tersebut, ianya akan dapat menjana semula perkembangan ekonomi khususnya buat penduduk tempatan yang sebelum ini amat rancak sebelum ditutup sepenuhnya pada tahun 2015. Semasa adanya FreeFlow ini, Wang Kelian merupakan satu destinasi pelancongan yang amat meriah dan telah memberi ruang kepada peniaga-peniaga kecil di Perlis dan juga Selatan Thailand menambahkan pendapatan mereka."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

21. PR-1533-U(27)358

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Kerajaan mengkaji semula dasar sedia ada yang berkaitan Warisan Arkeologi Negara dan merangka satu pelan tindakan khusus bagi memartabatkan Warisan Arkeologi Negara yang ditemukan. Penemuan-penemuan arkeologi seperti artifak tembikar, seramik, lukisan purba, rangka manusia purba dan lain-lain artifak amat penting untuk dihayati dan dipelajari kerana data yang dihasilkan dapat membantu merungkai persoalan-persoalan tentang perkembangan hidup dan tamadun manusia silam.

Malahan, ia juga boleh dijadikan sebagai salah satu sumber rujukan pensejarahan negara yang utama. Akan tetapi masih banyak lagi tapak-tapak penemuan arkeologi yang ditemukan tidak dikaji sepenuhnya kerana beberapa faktor terutamanya kekangan kewangan hingga menyebabkan kebanyakan tapak tersebut ditinggalkan tanpa sebarang kajian menyeluruh mahupun pemeliharaan khusus.

Oleh hal yang demikian, kerajaan melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) wajar mengkaji dan merangka satu pelan tindakan bagi memartabatkan Warisan Arkeologi Negara yang ditemukan supaya tapak-tapak arkeologi tersebut dapat dijadikan sebagai subjek kebanggaan dan identiti negara yang berbilang kaum dan agama yang boleh dihayati dan diambil iktibar.

MOTAC amnya boleh mengambil contoh kerangka tindakan daripada negara lain seperti China, Korea, Jepun dan Turki tentang kaedah-kaedah kajian, pemeliharaan dan pemuliharaan yang telah mereka berjaya lakukan melalui kerjasama strategik antara negara.

Hal ini juga sekali gus akan dapat menangani isu kemerosotan minat generasi muda terhadap Sejarah kerana generasi ini dilihat lebih cenderung untuk mengikuti perkembangan teknologi digital dan hiburan. Pembentukan generasi muda yang bakal menjadi pemimpin negara amat penting melalui pendekatan Sejarah ini agar semangat kenegaraan atau cinta akan negara itu dapat dipupuk sebaiknya."

**[ Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya ]**

22. PR-1533-U(27)359

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Kerajaan menyegerakan kelulusan dan penyaluran peruntukan pembangunan infrastruktur dan kemudahan terutamanya melibatkan penurapan tar di jalan-jalan yang menghubungkan laluan ke perkampungan Orang Asli dan memperbanyakkan pemasangan lampu jalan di Nenggiri, Kelantan.

Dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Dun Nenggiri baru-baru ini, pihak Kerajaan telah mengetahui bahawa kawasan tersebut memerlukan peruntukan pembangunan infrastruktur dan kemudahan yang menyeluruh khususnya di kawasan perkampungan Orang Asli seperti Pos Gob, Pos Tohoi, Pos Simpor dan Pos Pasik.

Oleh hal yang demikian, Kerajaan melalui Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW) wajar mengambil perhatian dan tindakan segera terhadap kekurangan infrastruktur dan kemudahan di kawasan perkampungan Orang Asli di Nenggiri Kelantan kerana mereka juga adalah sebahagian daripada rakyat negara ini yang mempunyai hak untuk menikmati segala kemudahan yang disediakan Kerajaan."

**[ Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah ]**

23. PR-1533-U(27)360

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Kerajaan Persekutuan melaksanakan pembayaran royalti petroleum kepada negeri Terengganu dan negeri Kelantan sebagai komitmen dalam memastikan pengagihan hasil petroleum yang adil dan saksama.

Tuntutan ini adalah selaras dengan hak rakyat dan negeri sebagaimana termaktub dalam Akta Kemajuan Petroleum 1974. Kedudukan pelantar minyak juga bersetentang dengan kawasan perairan Negeri Terengganu dan Kelantan. Prinsip Federalisme perlu dihormati dan dipatuhi Kerajaan Persekutuan dengan menunaikan hak yang dituntut oleh rakyat di kedua-dua negeri tersebut."

**[ Menteri Kewangan ]**

24. PR-1533-U(27)361

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa supaya Kerajaan Persekutuan melaksanakan pembayaran Wang Ehsan kepada negeri-negeri di bawah pentadbiran Pembangkang. Pembangunan seimbang antara wilayah amat penting agar rakyat menikmati kemudahan infrastruktur dan kemudahan yang setara. Bantuan Wang Ehsan ini akan dapat membantu negeri-negeri tersebut melaksanakan agenda pembangunan dan kesejahteraan rakyat amnya."

**[ Menteri Kewangan ]**

25. PR-1533-U(27)343

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk kembali mempertimbangkan pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST). Dengan mengambil kira implikasi ekonomi Malaysia yang pada masa ini berada pada tahap yang agak baik serta kestabilan Kerajaan Perpaduan pimpinan YAB Perdana Menteri yang semakin mengukuh, telah ramai pihak termasuklah penganalisis bank berpendapat sekarang adalah masa yang tepat untuk Kerajaan memperkenalkan semula GST.

Menerusi GST, Kerajaan berpotensi untuk meluaskan lagi asas cukai bagi mengurangkan defisit fiskal, mewujudkan ruang utama untuk pelaburan infrastruktur serta menghasilkan peluang bagi mengawal hutang negara dengan lebih baik. Malah, dengan pelaksanaan berperingkat e-invois bermula 1 Ogos 2024, yang juga merupakan antara komponen GST, telah memberikan ruang yang baik untuk Kerajaan melaksanakan kembali GST.

Malaysia tidak harus tertinggal di belakang negara Asia Tenggara lain yang telah melaksanakan GST seperti Indonesia yang melaksanakan *Value Added Tax* (VAT) pada 1985, Thailand pada tahun 1992 dan Singapura pada 1994 selain GST ini telah dilaksanakan di lebih 150 negara.

Kerajaan boleh menstruktur semula GST dengan lebih kemas melalui kerangka dasar yang komprehensif meliputi semua barangan dan perkhidmatan dengan sesetengah barangan boleh dikecualikan, selain satu kadar cukai yang dianggap positif."

**[ Menteri Kewangan ]**

26. PR-1533-U(27)344

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk segera mengambil ketetapan dalam menangani isu kritikal kemudahan penjagaan kesihatan awam yang kekurangan tenaga mencukupi. Malah, hampir ke semua klinik dan hospital Kerajaan di seluruh negara dilaporkan beroperasi dalam keadaan kurang kakitangan sehingga menyebabkan berlaku lambakan tugas dan memanjangkan lagi tempoh menunggu.

Dengan mengambil kira laporan oleh Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) yang mendapati hanya lima peratus kemudahan penjagaan kesihatan awam di negara ini mempunyai tenaga yang mencukupi, sudah tiba masanya untuk Kerajaan menyediakan solusi yang lebih konkrit serta komprehensif bagi mengelakkan keruntuhan sistem kesihatan negara.

Fenomena perhijrahan cendekiawan, dengan peningkatan mendadak doktor yang berhenti dan tidak menerima jawatan tetap adalah satu perkara yang serius dan memerlukan tindakan segera dari Kerajaan. Kebimbangan ini perlu dirawati menerusi reformasi industri kesihatan terutamanya apabila Kertas Putih Kesihatan telah diluluskan oleh Dewan yang mulia ini pada tahun lalu."

**[ Menteri Kesihatan ]**

27. PR-1533-U(27)345

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk mengeluarkan gula daripada diwartakan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 dalam usaha mengurangkan penyakit diabetes dalam kalangan rakyat Malaysia berbanding langkah Kerajaan memperkenalkan sistem penggredan untuk kandungan gula.

Harga gula di Malaysia kini kekal rendah dan di bawah harga siling adalah disebabkan pemberian insentif oleh Kerajaan sebanyak RM42 juta sebulan kepada semua pengilang gula di negara ini mulai November 2023 dan telah menyebabkan harga gula di Malaysia, yang bukan negara pengeluar gula, antara yang terendah di dunia.

Malah, Malaysia kini juga mempunyai kadar diabetes tertinggi di rantau Pasifik Barat dan antara tertinggi di dunia. Dan, dijangka tujuh juta individu berumur 18 tahun ke atas di Malaysia berpotensi menghidap penyakit kencing manis atau pra-diabetes menjelang tahun 2025.

Kerajaan perlu bertindak sebagaimana yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional (BN) pada 2013, yang memansuhkan subsidi gula dan kerajaan Pakatan Harapan (PH) pada tahun 2019 yang mengenakan cukai ke atas minuman bergula yang secara tidak langsung akan dapat membendung krisis penyakit tidak berjangkit (NCD) di Malaysia dan mampu mengurangkan kos perubatan negara."

**[ Menteri Kewangan ]**

28. PR-1533-U(27)347

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk menubuhkan satu suruhanjaya bagi menyiasat kes-kes serta isu-isu jenayah eksploitasi kanak-kanak merangkumi penderaan, pengantunan dan eksploitasi yang semakin berleluasa di Malaysia.

Kebelakangan ini negara kita telah digemparkan dengan kes terkait 'Global Ikhwana Service and Business Holding' (GISB) sepertimana yang dilaporkan oleh pihak media dan juga isu membabitkan "Abang Bas" yang tular di media sosial yang memperlihatkan jenayah berkaitan kanak-kanak seakan sudah menjadi barah di negara kita.

Sehubungan itu, Kerajaan perlu mengambil langkah yang lebih tegas dalam menangani isu ini bagi memastikan kanak-kanak di negara kita dapat menikmati masa kecil mereka dalam persekitaran yang lebih selamat dan kondusif."

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

29. PR-1533-U(27)349

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk menjalankan penelitian kajian yang menyeluruh bagi fasiliti ataupun jalan raya yang terdapat kebarangkalian dan boleh diklasifikasikan sebagai titik panas untuk berlakunya kejadian lubang benam (*sink hole*) yang semakin menjadi kerisauan dalam kalangan warga kota mutakhir ini.

Kebelakangan ini, kita telah dikejutkan dengan insiden yang mengakibatkan peristiwa menyayat hati, telah meragut nyawa seorang wanita susulan kejadian tanah mendap yang berlaku di kawasan Masjid India, di ibu kota Kuala Lumpur selain beberapa kejadian lain yang berlaku di Jalan Sultan Ismail, Pantai Dalam dan juga di Kompleks Bunga Raya, Terminal KLIA.

Kewujudan lubang benam ini ternyata mencetuskan polemik dalam kalangan rakyat mengenai sejauh manakah Kuala Lumpur ini selamat untuk diduduki pada masa akan datang. Pembangunan tanpa henti, sistem saliran yang huru hara, kejadian mendapan atau pasir jerlus, pengaliran keluar air bawah tanah, bebanan melampau, pergerakan fizikal termasuk pembangunan persekitaran dilihat antara faktor kepada fenomena ini untuk berlaku.

Oleh yang demikian, Kerajaan perlu mengambil pendekatan strategi yang lebih holistik bagi melenyapkan keresahan rakyat dengan melakukan pemetaan semula serta ujian integriti untuk semua sistem saliran di seluruh Kuala Lumpur bagi memastikan tiada lagi kejadian yang tidak diingini daripada berlaku. Adalah lebih baik kita mencegah daripada merawat sebelum berlaku kejadian yang lebih teruk."

**[ Perdana Menteri ]**

30. PR-1533-U(27)351

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan ini menggesa Kerajaan untuk meneliti dengan lebih mendalam dan penuh hikmah berhubung laporan bertajuk 'Transitioning Futures, Anticipating Change: Socioeconomic Futures of Malaysia's Climate and Demographic Transition', oleh Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) yang membangkitkan kebimbangan mengenai perubahan akibat perubahan iklim dan demografi masa depan.

Hari terpanas Malaysia pada tahun 2050 dijangka mencecah pada suhu 40.8°C dan juga turut akan menjadi sebuah negara yang diklasifikasikan sebagai sangat tua (*super-aged*) menjelang tahun 2056.

Malaysia dianggar memerlukan hampir RM392 bilion bagi menyesuaikan diri dengan perubahan iklim dalam tempoh 50 tahun mendatang dan dengan pertumbuhan penduduk yang lebih perlahan dan tenaga kerja yang mengecut akan menyebabkan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara menurun sebanyak satu pertiga menjelang 2050.

Justeru, Kerajaan perlu mengambil pendekatan proaktif bermula sekarang dalam menangani isu perubahan iklim dan isu tenaga kerja yang semakin tua yang secara tidak langsung memberi kesan kritikal terhadap struktur ekonomi serta pasaran buruh kerana kedua-duanya mempengaruhi mata pencarian dan kestabilan ekonomi negara."

**[ Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam ]**



**\*\*UCAPAN-UCAPAN  
( PERATURAN MESYUARAT 17 )  
( KAMAR KHAS )**

| <b>Ahli Yang Berucap</b>                         | <b>Tajuk Ucapan</b>                                                                                                                                                                                                                                                               | <b>Menteri Yang Bertanggungjawab</b>                                                                           |
|--------------------------------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| YB Tuan Hassan bin Abdul Karim<br>(Pasir Gudang) | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Isu Berkaitan Sistem Kumbahan dan Masalah Anai-anai di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Seri Alam, Pasir Gudang</li> <li>2. Notis Pengosongan Tapak di atas Rizab Perbadanan Aset Keretapi di Lot/Plot 0 Kempas - Pasir Gudang</li> </ol> | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Menteri Pendidikan</li> <li>2. YB Menteri Pengangkutan</li> </ol> |
| YB Tuan Muhammad Ismi bin Mat Taib<br>(Parit)    | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Keperluan Kaunter Perkhidmatan Jabatan Imigresen</li> <li>2. Keperluan Tenaga Pakar di Hospital Seri Iskandar</li> </ol>                                                                                                                | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. YB Menteri Dalam Negeri</li> <li>2. YB Menteri Kesihatan</li> </ol>  |

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**